

**AKTA KEUPAYAAN MENTAL:
PANDUAN
TIMBALAN**

BAHAGIAN A	APA ITU AKTA KEUPAYAAN MENTAL DAN APAKAH YANG PERLU SAYA TAHU?	04
	A1. Apa itu keupayaan mental?	04
	A2. Apa itu Akta Keupayaan Mental dan kenapa ia penting?	04
	A3. Kod Amalan	06
BAHAGIAN B	APAKAH TUGAS YANG DIJALANKAN OLEH PEJABAT PENJAGA AWAM (OFFICE OF THE PUBLIC GUARDIAN)?	07
	B1. Penjaga Awam	07
	B2. Fungsi Penjaga Awam	07
	B3. Pejabat Penjaga Awam	08
	B4. Peranan Lembaga Pelawat	08
BAHAGIAN C	APA YANG BERLAKU KEPADA AHLI-AHLI SEDIA ADA DALAM JAWATANKUASA INDIVIDU ATAU HARTA?	09
BAHAGIAN D	BAGAIMANA PARA TIMBALAN DILANTIK?	09
	D1. Bagaimana saya boleh menjadi seorang Timbalan?	09
	D2. Siapa yang boleh memohon untuk menjadi Timbalan?	10
	D3. Apa itu seorang Timbalan Profesional?	10
BAHAGIAN E	APAKAH KUASA, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PARA TIMBALAN?	10
	E1. Bilakah seorang Timbalan itu diperlukan?	10
	E2. Apakah tindakan dan keputusan yang boleh saya ambil?	11
	E3. Apakah perkara yang boleh atau tidak boleh dilakukan oleh seorang Timbalan?	11

E4. Sekatan-sekatan lain	12
E5. Apakah keputusan yang dikecualikan?	13
E6. Bilakah kuasa Timbalan itu berakhir?	14
E7. Adakah saya akan menerima bayaran ganti bagi perbelanjaan yang ditanggung dalam menjalankan tugas saya?	15
E8. Bagaimana jika keputusan yang perlu saya buat tidak berada di bawah Perintah Mahkamah?	15
E9. Apakah bentuk perlindungan yang ada untuk Timbalan?	15
E10. Perlukah saya menyimpan rekod?	16
APAKAH LIMA PRINSIP BERKANUN DI BAWAH AKTA KEUPAYAAN MENTAL DAN BAGAIMANA CARA SAYA MENERAPKANNYA?	17
BAGAIMANA JIKA SESEORANG MENGESYAKI ADANYA PENDERAAN?	24
G1. Siapa yang perlu diberitahu?	24
G2. Perlindungan ke atas pemberi maklumat	25
APA YANG BERLAKU SEKIRANYA BERLAKU PERTIKAIAN?	26
H1. Apa yang harus saya lakukan jika berlaku pertikaian?	26
DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT?	29
GLOSARI	30

Buku ini memberikan panduan kepada anda, sekiranya anda ingin mengambil peranan sebagai Timbalan. Ia memberikan anda gambaran keseluruhan tentang kuasa, tugas, dan tanggungjawab seorang Timbalan.

Sebagai seorang Timbalan, anda bertanggungjawab untuk membuat keputusan dan bertindak bagi pihak orang yang kurang keupayaan mental untuk membuat keputusan untuk diri mereka sendiri.

Jika anda menghadapi kesulitan atau kerumitan dalam membuat keputusan yang melibatkan hal-hal kewangan, rawatan perubatan atau hal-hal kebajikan peribadi, kami sarankan agar anda mendapatkan nasihat guaman dan/atau profesional bebas yang lain.

Senario dan contoh-contoh dalam panduan ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Watak-watak dan situasi yang dipaparkan adalah rekaan semata-mata. Ia bukan pengganti nasihat profesional dalam kes yang sesuai dan tidak boleh diambil sebagai contoh untuk keputusan yang perlu dibuat dalam situasi yang serupa. Ia juga tidak mencerminkan bagaimana Mahkamah memutuskan mana-mana kes tertentu, kerana keputusan tersebut bergantung kepada fakta sebenar setiap kes yang dibentangkan kepada Mahkamah, yang mungkin termasuk fakta relevan yang tidak dipertimbangkan dalam contoh-contoh tersebut.

SEBELUM KITA MULAKAN

BAHAGIAN A

APA ITU AKTA KEUPAYAAN MENTAL DAN APAKAH YANG PERLU SAYA TAHU?

A1. APA ITU KEUPAYAAN MENTAL?

Keupayaan mental adalah kemampuan seseorang untuk membuat sesuatu keputusan tertentu pada suatu waktu yang tertentu.


A2. APA ITU AKTA KEUPAYAAN MENTAL DAN MENGAPA IA PENTING?

Akta Keupayaan Mental (Akta) membolehkan seseorang untuk merancang lebih awal dan memberi kuasa kepada mereka untuk membuat pilihan bagi masa depan mereka sebelum mereka kehilangan keupayaan mental. Ia turut merungkakan betapa perlunya bagi mereka yang berusia 21 tahun ke atas untuk membuat keputusan apabila mereka kurang keupayaan mental untuk membuat keputusan bagi diri mereka sendiri.

Akta Ini:

- a. membolehkan seseorang itu membuat Surat Kuasa Berkekalan (Lasting Power of Attorney / LPA) untuk melantik seorang atau lebih Penerima Kuasa (Donee) agar membuat keputusan dan bertindak bagi pihak mereka sekiranya dan apabila keupayaan mental mereka merosot di masa hadapan;
- b. membolehkan pihak Mahkamah untuk melantik seorang Timbalan untuk membuat keputusan dan bertindak bagi pihak seseorang yang kurang keupayaan mental jikalau keputusan perlu dibuat tetapi tidak terdapat Timbalan untuk membuat keputusan itu;
- c. membenarkan ibu bapa dengan anak kurang keupayaan intelektual yang berusia 21 tahun untuk memohon kepada Mahkamah untuk melantik diri mereka sendiri sebagai Timbalan dan melantik seorang lagi sebagai Pengganti Timbalan untuk memastikan bahawa penjagaan anak mereka pada masa depan akan terurus sekiranya ibu bapa itu meninggal dunia atau hilang keupayaan mental mereka sendiri;

- d. memberi perlindungan secara undang-undang kepada sesiapa yang menjaga dan merawat seseorang yang kurang keupayaan mental jika syarat-syarat tertentu dipenuhi, termasuk syarat yang mengehendaki tindakan itu dilakukan demi kepentingan orang tersebut;
- e. memberi perlindungan kepada mereka yang kurang keupayaan mental;
- f. mempunyai lima prinsip berkanun yang mesti dipatuhi oleh sesiapa yang membuat keputusan atau mengambil tindakan bagi pihak orang yang kurang keupayaan;
- g. menyediakan peruntukan untuk pelantikan Pejabat Awam; dan
- h. membolehkan karyawan berdaftar untuk menyediakan perkhidmatan Timbalan dan Penerima Kuasa dengan bayaran.



A3. KOD AMALAN

Kod Amalan ini menjelaskan secara terperinci tentang Akta Keupayaan Mental. Ia menerangkan dengan lebih lanjut bagaimana Akta ini boleh diterapkan dalam amalan.

Ia membantu individu untuk:

- memahami peranan dan tanggungjawab mereka di bawah Akta ini;
- memahami langkah-langkah yang boleh mereka ambil untuk membuat persediaan di hari muka sekiranya mereka sendiri kurang keupayaan mental; dan
- memahami prinsip-prinsip yang boleh diterapkan apabila menjaga mereka yang kurang keupayaan mental.

The Kod Amalan ini merupakan panduan amalan terbaik bagi sesiapa sahaja yang berurusan dengan individu yang kekurangan keupayaan mental. Ini termasuk mereka yang mempunyai tanggungjawab rasmi untuk memberikan penjagaan, seperti profesional dan penjaga yang dibayar, serta penjaga tidak rasmi seperti ahli keluarga dan rakan-rakan kepada individu yang kekurangan keupayaan mental.

Individu berikut perlu mempertimbangkan Kod Amalan ketika bertindak bagi seseorang yang kekurangan keupayaan mental:

- a. Penerima Kuasa Surat Kuasa Berkekalan (LPA);
- b. Timbalan yang dilantik oleh Mahkamah;
- c. golongan profesional, contohnya, peguam, petugas penjagaan kesihatan profesional, akauntan, kru ambulans; dan
- d. orang-orang yang dibayar, contohnya, penjaga, pakar terapi yang dibayar.

Semua garis panduan Kod Amalan ini perlu dipatuhi.

BAHAGIAN B

APAKAH TUGAS YANG DIJALANKAN OLEH PEJABAT PENJAGA AWAM?

B1. PENJAGA AWAM

Penjaga Awam bertanggungjawab untuk melindungi maruah dan kepentingan individu yang kekurangan keupayaan mental dan terdedah kepada risiko. Penjaga Awam mengetuai Pejabat Penjaga Awam (Office of the The Public Guardian / OPG).

B2. FUNGSI PENJAGA AWAM

Penjaga Awam melaksanakan pelbagai fungsi untuk membolehkan dan melindungi individu yang kekurangan keupayaan mental.

Fungsi-fungsi ini termasuk:

- a. Mengekalkan daftar untuk Surat Kuasa Berkekalan (LPA), dan daftar Perintah Mahkamah yang melantik para Timbalan;
- b. menyelia para Timbalan;
- c. menerima laporan daripada para Timbalan;
- d. menyiasat sebarang pelanggaran yang didakwa terhadap mana-mana peruntukan dalam Akta Keupayaan Mental; dan
- e. mengarahkan ahli Lembaga Pelawat untuk mengunjungi individu yang kekurangan keupayaan mental atau Penerima Kuasa atau para Timbalan.

B3. PEJABAT PENJAGA AWAM

OPG menyokong Penjaga Awam untuk melaksanakan fungsinya. OPG adalah sebuah bahagian di bawah Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF).

B4. PERANAN LEMBAGA PELAWAT

Peranan Lembaga Pelawat adalah untuk:

- mengunjungi orang-orang yang kurang keupayaan mental, para Penerima Kuasa atau Timbalan, seperti yang diarahkan oleh Penjaga Awam atau Mahkamah; dan
- memantau kesejahteraan orang-orang yang kurang keupayaan mental.

Terdapat dua jenis pelawat:

- a. Pelawat Khas – merupakan pengamal perubatan berdaftar atau individu yang mempunyai kepakaran relevan dalam aspek kelemahan atau gangguan dalam fungsi minda atau otak; dan
- b. Pelawat Am – tidak semestinya berkelayakan dalam bidang perubatan.



BAHAGIAN C

APA YANG BERLAKU KEPADA AHLI-AHLI SEDIA ADA DALAM JAWATANKUASA INDIVIDU ATAU HARTA?

Para ahli jawatankuasa bagi individu atau harta yang dilantik di bawah Akta Gangguan dan Rawatan Mental dianggap sebagai Timbalan yang dilantik oleh Mahkamah di bawah Akta Keupayaan Mental pada dan selepas tarikh permulaan, iaitu 1 Mac 2010.

Individu-individu berikut memiliki kuasa dan fungsi yang sama sebagai ahli jawatankuasa yang telah dilantik oleh Mahkamah Agung, sebelumnya.

BAHAGIAN D

BAGAIMANA PARA TIMBALAN DILANTIK?

D1. BAGAIMANA SAYA BOLEH MENJADI SEORANG TIMBALAN?

Ada dua cara untuk menjadi seorang Timbalan:

- Anda boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan Perintah Mahkamah untuk dilantik sebagai seorang Timbalan;
- menjadi Timbalan melalui pelantikan terdahulu anda sebagai ahli jawatankuasa bagi individu atau harta.

Anda boleh mendapatkan nasihat peguam untuk bantuan lanjut.

D2. SIAPA YANG BOLEH MEMOHON UNTUK MENJADI TIMBALAN?

Sesiapa yang berumur lebih dari 21 tahun boleh memohon untuk menjadi Timbalan. Timbalan biasanya adalah ahli keluarga atau rakan rapat yang akan bertindak demi kepentingan terbaik individu yang kekurangan keupayaan mental.

D3. APA ITU SEORANG TIMBALAN PROFESIONAL?

Sekiranya tiada ahli keluarga atau rakan rapat yang dapat bertindak sebagai Timbalan bagi individu yang kekurangan keupayaan mental, seorang Timbalan Profesional boleh memohon kepada Mahkamah untuk dilantik sebagai Timbalan.

Timbalan Profesional merangkumi peguam, doktor, akauntan, profesional kesihatan bersekutu, jururawat, dan pekerja sosial, dan mereka mempunyai peranan serta tanggungjawab yang sama seperti Timbalan lain yang dilantik oleh Mahkamah. Mereka berdaftar dengan Pejabat Penjaga Awam dan mesti memenuhi kriteria kelayakan yang ketat serta lulus kursus pensijilan.

BAHAGIAN E

APAKAH KUASA, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PARA TIMBALAN?

E1. BILAKAH SEORANG TIMBALAN ITU DIPERLUKAN?

Timbalan perlu dilantik jika keputusan perlu diambil bagi pihak individu yang kekurangan keupayaan mental dan tidak mempunyai Penerima Kuasa di bawah Surat Kuasa Berterusan (LPA) untuk bertindak bagi pihaknya. Permohonan boleh dibuat kepada Mahkamah untuk melantik seseorang sebagai Timbalannya.

Ibu bapa juga boleh memohon kepada Mahkamah untuk melantik diri mereka sebagai Timbalan bagi anak-anak mereka yang berumur di bawah 21 tahun dan kekurangan keupayaan mental. Timbalan Pengganti juga boleh dilantik sekiranya ibu bapa tidak dapat bertindak disebabkan oleh kehilangan keupayaan mental mereka sendiri atau kematian.



KISAH IDA

Ida mengalami serangan strok tiga bulan lalu. Kini, beliau sedang koma. Keadaannya stabil tetapi tiada perubahan. Beliau memiliki sebuah flat HDB dan mempunyai simpanan sebanyak \$50,000 dalam akaun simpanannya.

Suami Ida telah meninggal dunia 5 tahun lalu. Rohani, anak perempuan Ida, adalah seorang pelajar Universiti berusia 22 tahun. Rohani tidak mempunyai sebarang pendapatan.

Doktor memberitahu Rohani bahawa mereka tidak tahu sama ada Ida akan sedarkan diri. Sementara itu, kos rawatan hospital dan perbelanjaan rumah perlu dibayar.

Satu keputusan juga perlu dibuat untuk mengaturkan penjagaan Ida, contohnya memindahkan Ida ke rumah penjagaan.

Ida belum membuat Surat Kuasa Berkekalan (LPA), Rohani tidak dapat mengeluarkan wang daripada akaun Ida untuk memenuhi keperluan perbelanjaan atau membuat keputusan untuk memindahkan Ida ke rumah penjagaan.

Dalam situasi ini, Rohani perlu memohon kepada Mahkamah untuk kuasa berkaitan kebajikan peribadi serta harta dan urusan. Kuasa kebajikan peribadi membolehkan Rohani membuat keputusan mengenai pemindahan Ida ke rumah penjagaan. Kuasa harta dan urusan membolehkan Rohani menguruskan akaun bank Ida dan membuat pembayaran kepada hospital serta rumah penjagaan.

E2. APAKAH TINDAKAN DAN KEPUTUSAN YANG BOLEH SAYA AMBIL?

Jenis tindakan dan keputusan yang anda boleh ambil sebagai timbalan ada disebut secara khusus dalam perintah mahkamah yang melantik anda sebagai timbalan.

E3. APAKAH PERKARA YANG BOLEH ATAU TIDAK BOLEH DILAKUKAN OLEH SEORANG TIMBALAN?

Boleh

Peranan seorang Timbalan dijelaskan secara terperinci dalam Kod Amalan.

Berikut adalah beberapa perkara penting yang perlu diingati oleh para Timbalan.

Para Timbalan mesti:

- patuhi prinsip-prinsip berkanun;
- bertindak demi kepentingan individu kurang keupayaan mental itu;
- mematuhi garis panduan dalam Kod Amalan;
- patuhi arahan Mahkamah dan jangan melebihi batas kuasa yang ditetapkan oleh Mahkamah;
- simpan semua rekod dan kira-kira;
- simpan wang mereka secara berasingan daripada akaun peribadi Timbalan; dan
- elakkan situasi yang mungkin menyebabkan konflik kepentingan.

Tidak Boleh

- jangan ambil kesempatan untuk menguntungkan diri anda.
- jangan serahkan kuasa yang diberikan kepada anda sebagai Timbalan di bawah Perintah Mahkamah kepada orang lain.

Anda perlu merujuk kepada perenggan 9.8 dalam Kod Amalan untuk panduan lanjut mengenai perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh seorang Timbalan.

E4. SEKATAN-SEKATAN LAIN

Terdapat sekatan-sekatan ke atas para Timbalan di bawah Akta Keupayaan Mental. Antaranya adalah:

Sekatan-sekatan Am

Para timbalan yang dilantik untuk orang yang kurang keupayaan mental tidak boleh membuat keputusan bagipihak mereka (dirujuk sebagai "P") jika timbalan tersebut tahu atau percaya bahawa P berkeupayaan untuk membuat keputusan tersebut.

Sila lihat bab 4 dalam Kod Amalan tentang penilaian keupayaan.

Sekatan-sekatan khusus

Para Timbalan tidak boleh:

- menegah mana-mana individu tertentu untuk berhubung dengan P;
- mengarahkan individu yang bertanggungjawab ke atas penjagaan kesihatan P untuk membenarkan orang lain mengambil alih tanggungjawab tersebut;
- menghadiahkan harta milik P;
- melaksanakan Wasiat atau membuat/membatalkan sebarang pencalonan Tabung Simpanan Pekerja (CPF) atau insurans untuk P; dan
- memberi kebenaran atau menolak pelaksanaan atau penerusan rawatan pengkelan hidup atau sebarang rawatan lain untuk mencegah kemerosotan serius dalam keadaan P.

Tindakan untuk menyekat

Para Timbalan tidak boleh melaksanakan sesuatu untuk menyekat P kecuali keempat-empat syarat berikut dipenuhi

- mereka bertindak menurut kuasa yang diperkenankan oleh Mahkamah;
- P kekurangan upaya, atau mereka percaya bahawa P kekurangan upaya, untuk membuat keputusan bagi hal-hal yang dipersoalkan;
- para timbalan percaya bahawa tindakan yang dilakukan dapat mengelakkan P daripada sebarang bahaya; dan
- tindakan sekatan tersebut adalah tindak balas yang wajar dengan kemungkinan P mengalami kemudaran dan tahap keseriusan kemudaran tersebut

E5. APAKAH KEPUTUSAN-KEPUTUSAN YANG DIKECUALIKAN?

Menurut undang-undang terdapat keputusan-keputusan tertentu yang tidak boleh dilakukan oleh Timbalan bagi pihak P.

Keputusan-keputusan tersebut adalah:

a.	memberi izin untuk berkahwin
b.	memberi izin untuk menyentuh secara seksual
c.	memberi izin untuk bercerai atas dasar telah berpisah selama tiga tahun
d.	memberi izin atau membatalkan izin untuk pembuatan perintah pengambilan anak angkat di bawah Akta Pengambilan Anak Angkat 2022 atau 1939
e.	menganuti atau menukar sesuatu agama
f.	menerima rawatan untuk penukaran jantina
g.	memberi izin atau membatalkan izin untuk rawatan pemandulan seksual
h.	memberi izin atau membatalkan izin untuk rawatan pengguguran kandungan
i.	mendaftar atau menarik balik bantahan di bawah Seksyen 9 Akta Pemindahan Organ Manusia berkaitan pemindahan organ daripada sesiapa yang meninggal dunia
j.	membuat atau menarik balik Arahan Perubatan Awal di bawah Seksyen 3 atau 7 Akta Arahan Perubatan Awal
k.	membuat atau membatalkan sumbangan tubuh badan atau mana-mana bahagian badan di bawah Seksyen 3 atau 9 Akta Perubatan (Rawatan, Pendidikan dan Penyelidikan)
l.	hal-hal lain yang seperti ditetapkan oleh Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga

E6. BILAKAH KUASA TIMBALAN ITU BERAKHIR?

Pelantikan Timbalan akan berakhir jika salah satu daripada perkara berikut berlaku:

- apabila Mahkamah mengeluarkan perintah lanjut untuk menamatkan pelantikan Timbalan; atau
- apabila individu yang kekurangan keupayaan mental atau Timbalannya meninggal dunia; atau
- apabila individu yang kekurangan keupayaan mental itu pulih dan keupayaan mentalnya kembali. Satu permohonan perlu dibuat di Mahkamah dan mahkamah Memberikan perintah lanjut untuk menamatkan pelantikan Timbalan.

E7. ADAKAH SAYA AKAN MENDAPAT PERBELANJAAN YANG DITANGGUNG DALAM MENJALANKAN TUGAS-TUGAS SAYA?

Anda boleh mendapatkan bayaran ganti untuk perbelanjaan-perbelanjaan yang berpatutan yang ditanggung semasa anda menjalankan tugas sebagai seorang Timbalan.

E8. BAGAIMANA JIKA KEPUTUSAN YANG PERLU SAYA BUAT TIDAK BERADA DI BAWAH PERINTAH MAHKAMAH?

Anda hanya boleh membuat keputusan yang dibenarkan oleh Perintah Mahkamah.

Anda boleh memohon kepada Mahkamah untuk mengeluarkan perintah lanjut bagi membolehkan anda membuat keputusan lain semasa menjalankan tugas anda sebagai Timbalan.

E9. PERLINDUNGAN JENIS APAKAH YANG ADA UNTUK PARA TIMBALAN?

The Akta Keupayaan Mental menawarkan perlindungan undang-undang jika:

- sebelum bertindak, anda mengambil langkah-langkah yang wajar untuk menentukan sama ada seseorang itu kekurangan keupayaan mental terhadap hal yang dipersoalkan itu, dan
- anda mempunyai keyakinan yang munasabah bahawa seseorang itu kekurangan keupayaan mental dan tindakan yang hendak dibuat itu adalah demi kepentingannya.

Bagaimanapun, perlindungan undang-undang ini tidak meliputi semua jenis tindakan. Sila lihat perenggan 7.2.2 dan 7.4 dalam Kod Amalan untuk perkara yang tidak diliputi.

E10. PERLUKAH SAYA MENYIMPAN REKOD?

Anda perlu menyimpan rekod bagi keputusan-keputusan penting yang pernah anda buat sebagai seorang Timbalan.

Ini juga akan berguna jikalau berlakunya sebarang pertikaian.

Dari semasa ke semasa Pejabat Penjaga Awam mungkin akan meminta rekod-rekod tersebut daripada anda.

Timbalan yang dilantik untuk menguruskan harta dan urusan seseorang mesti menyimpan rekod transaksi yang dilakukan bagi pihak individu yang kekurangan keupayaan mental dan mengemukakannya kepada Penjaga Awam pada masa yang ditetapkan oleh Mahkamah. Anda boleh menggunakan ciri Penjejak Kewangan dalam sistem *OPG-Online* untuk menyimpan rekod berkala mengenai wang yang diterima dan wang yang dibelanjakan bagi pihak P sepanjang tempoh pelaporan.

BAHAGIAN F

APAKAH LIMA PRINSIP BERKANUN DI BAWAH AKTA KEUPAYAAN MENTAL DAN BAGAIMANAKAH IA DIGUNA PAKAI?

Prinsip-prinsip berkanun membantu individu mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan sejauh yang mungkin, dan melindunginya apabila dia kurang berupaya secara mental untuk melakukannya.

Ketika membuat keputusan atau bertindak bagi pihak individu yang kekurangan keupayaan mental, prinsip-prinsip ini perlu dirujuk bersama dengan peruntukan dalam Akta Keupayaan Mental untuk memastikan tindakan atau keputusan yang wajar diambil dalam setiap kes.

5 PRINSIP BERKANUN DI BAWAH AKTA KEUPAYAAN MENTAL
Prinsip 1: Andaian mengenai keupayaan
Prinsip 2: Memberi segala bantuan seberapa yang boleh
Prinsip 3: Keputusan kurang bijak
Prinsip 4: Kepentingan yang terbaik
Prinsip 5: Kurang menyekat

Prinsip 1: Andaian mengenai keupayaan

Seseorang itu harus dianggap mempunyai keupayaan mental untuk membuat keputusan bagi dirinya sendiri kecuali ada bukti bahawa beliau kurang keupayaan mental untuk membuat keputusan tersebut sewaktu ianya perlu dibuat.

Penilaian kekurangan keupayaan mental seseorang itu tidak boleh dibuat berdasarkan rupa, usia, keadaan atau tingkah laku orang itu semata-mata. Oleh itu, biarlah mereka membuat keputusan mereka sendiri setakat mana yang mereka boleh.



KISAH SHANTI

Shanti Sandhu, berusia 66 tahun, adalah seorang balu yang tinggal bersendirian di sebuah apartmen.

Anak lelakinya menyedari bahawa ibunya semakin pelupa dalam beberapa bulan kebelakangan ini, memutuskan untuk menahan kad ATM Shanti dan tidak membenarkannya membuat keputusan mengenai perbelanjaannya sendiri.

Anak Shanti tidak seharusnya menganggap bahawa hanya kerana Shanti

kelihatan lebih pelupa, ini bermakna dia kekurangan keupayaan mental.

Seseorang dianggap mempunyai keupayaan mental kecuali terbukti sebaliknya.

Prinsip 2: Memberi segala bantuan seberapa yang boleh

Pemberi jagaan, ahli keluarga, penerima kuasa, Timbalan dan golongan profesional yang menjaga atau merawat seseorang yang mungkin mempunyai kesukaran dalam membuat sesuatu keputusan perlu mengambil semua langkah yang boleh untuk membantunya membuat keputusannya sendiri.

Apabila membantunya membuat keputusan, mereka tidak boleh mendesak atau memberi tekanan kepada orang yang dibantu itu. Jenis sokongan yang patut diterimanya bergantung pada jenis keputusan yang perlu dibuat dan juga keadaannya.

Individu tersebut tidak harus membuat keputusan bagi pihak seseorang itu hanya kerana orang itu mempunyai kesukaran berkomunikasi. Sebaliknya, individu itu harus memberi sokongan, contohnya dengan menyediakan maklumat dalam bentuk yang mudah difahami seperti menggunakan gambar-gambar dan huruf-huruf besar dan berkomunikasi dengan cara yang berbeza seperti bahasa isyarat, Braille dan sebagainya.

KISAH TIM

Beberapa pegawai polis terjumpa Tim seorang lelaki pertengahan umur yang tinggal di bawah jejambat Ekspreswe Pan Island (PIE). Keadaannya sangat kotor dan terdapat luka besar di kakinya, seperti sudah terkena jangkitan. Mereka membawanya ke hospital.

Kakitangan hospital bertanya tentang butir-butir peribadi dan saudaramaranya yang mereka boleh hubungi. Pertanyaan ini diajukan dengan menggunakan pelbagai bahasa, untuk membantunya berkomunikasi. Tim terus membisu dan enggan bekerjasama dengan doktor yang mahu memeriksa kecederaannya.

Doktor memberitahu jika lukanya tidak dirawat, dia mungkin akan kehilangan kakinya sambil membuat pergerakan memotong pada kakinya agar dia faham tentang keadaan dirinya. Selepas itu, Tim nampaknya memberi lebih perhatian dan mula tunjuk kearah mulut dan kedua telinganya sambil menggelengkan kepala.

Seorang jururawat menyedari bahawa lelaki itu mungkin bisu serta tuli, jadi beliau pun memberikannya kertas dan pen dan memanggil seseorang yang tahu bahasa isyarat. Tim mula bertenang dan berkomunikasi dengan kakitangan hospital secara bertulis.

Tim mungkin tidak dapat berkomunikasi secara lisan, tetapi itu tidak bermakna beliau tidak dapat membuat keputusan tentang rawatan ke atasnya. Pasukan perubatan tersebut tidak harus membuat kesimpulan bahawa beliau tidak berkeupayaan untuk membuat keputusan berkenaan rawatan sebelum memberikan segala bantuan yang boleh untuk dia membuat dan menyampaikan keputusannya.

Dalam keadaan kecemasan, contohnya, terdapat kecederaan serius akibat kemalangan, adalah tidak sesuai untuk mengambil terlalu banyak langkah bagi membantu seseorang itu untuk membuat keputusannya sendiri. Apa yang boleh dilakukan adalah untuk memaklumkan kepadanya tentang apa yang sedang berlaku dan mengapa prosedur-prosedur itu dilakukan.

Prinsip 3: Keputusan kurang bijak

Seseorang itu bebas untuk membuat keputusannya sendiri walaupun ia adalah suatu keputusan yang kurang bijak pada pandangan orang lain. Ini memberi seseorang itu hak untuk membuat pilihannya sendiri. Hanya kerana sesuatu keputusan itu kurang bijak tidak bermakna orang tersebut telah hilang keupayaan mental.

Bagaimanapun, terdapat perbezaan antara seseorang yang membuat keputusan kurang bijak (yang mungkin dilakukan ketika dia membuat keputusan itu) dengan membuat keputusan apabila dia kurang keupayaan untuk memahami, mengingat atau menggunakan maklumat yang perlu agar membuat keputusan tersebut.

Jika seseorang itu membuat beberapa keputusan yang pelik berbanding dengan tingkah lakunya yang biasa atau membuat keputusan-keputusan yang menjadikan dia mudah untuk diperalatkan atau yang mendatangkan mudarat, maka pemeriksaan lanjut ke atas keupayaannya harus dijalankan.



KISAH AH HUAT

Ah Huat berusia 73 tahun. Beliau seorang balu kematian isteri dan tinggal sendirian. Minggu lalu, seorang pemasang tingkap bernama Paul datang ke rumah Ah Huat. Paul meyakinkan Ah Huat supaya menukar tingkap di bilik airnya kerana ianya berkarat. Esoknya, Paul kembali dan menyarankan kepada Ah Huat agar menukar tingkap-tingkap di bilik tidurnya. Paul mengenakan bayaran \$500.

Ah Seng, anak lelaki Ah Huat, bimbang tentang ayahnya. Ah Huat biasanya seorang yang berhati-hati tentang wang kerana dia seorang pesara.

Paul kembali untuk kali ketiga dan Ah Huat bersetuju untuk menukar tingkapi di flatnya pada harga \$1500. Ah Seng, yang telah terlebih dahulu memeriksa tingkap-tingkap tersebut, mendapati semua tingkap masih dalam keadaan baik dan tidak perlu ditukar. Dia yakin Paul telah mengambil kesempatan ke atas bapanya dan dia terfikir sama ada Ah Huat berupaya untuk membuat keputusan.

Ah Huat menjelaskan bahawa dia ingin menggantikan kesemua tingkap-tingkapnya secara serentak kerana dia menerima tawaran yang lebih baik. Dia percaya bahawa dalam tempoh setahun dua lagi semua tingkap perlu ditukar.

Ah Seng tidak boleh beranggapan hanya kerana bapanya, Ah Huat berusia 73 tahun dan ingin menukar semua tingkap di flatnya, dia kurang keupayaan mental. Jika bentuk tingkah laku Ah Huat yang lazim bertukar terus-terusan dan menimbulkan kebimbangan, barulah Ah Seng perlu menimbangkan agar keupayaan mentalnya diperiksa oleh doktor.

Prinsip 4: Kepentingan terbaik

Setiap tindakan atau keputusan yang dibuat bagi pihak orang yang kurang keupayaan itu mestilah dilakukan demi kepentingannya. Sama ada keputusan yang dibuat itu adalah yang terbaik untuk seseorang itu, semuanya bergantung pada keadaan kes tersebut.



KISAH RON

Kevin Khoo dan isterinya, Sally Lee, mempunyai tiga orang anak. Ron, anak sulung mereka yang berusia 23 tahun, mengalami kecacatan intelek dan bekerja di sebuah bengkel tertutup yang dikendalikan oleh sebuah badan kebajikan.

Badan kebajikan berkenaan juga mempunyai program yang menawarkan tempat tinggal sementara untuk orang seperti Ron belajar kemahiran hidup asas untuk kehidupan yang lebih berdikari. Dengan sedikit sokongan, mereka juga diajar bagaimana untuk menggunakan pengangkutan awam. kemahiran-kemahiran hidup sebegini membantu mereka menjadi lebih sesuai untuk pekerjaan secara terbuka.

Terdapat tempat kosong di dalam program tumpangan tersebut dan para pekerja sosial daripada badan kebajikan itu menyarankan agar Ron menerima tawaran itu.

Kevin dan Sally sedar yang Ron ingin menjadi lebih berdikari. Tetapi, mereka bimbang sekiranya Ron menerima tawaran itu, mereka tidak dapat menjaganya dan kurang masa untuk dihabiskan bersama.

Sekiranya Ron ada keupayaan mental untuk membuat keputusan tentang program tumpangan itu, Kevin dan Sally tidak perlu membuat keputusan untuk Ron. Jika Ron kurang keupayaan untuk membuat keputusan tersebut, Kevin dan Sally harus ingat yang mereka perlu membuat keputusan demi kepentingan Ron dan bukan demi kepentingan diri mereka sendiri.

Prinsip 5: Kurang sekatan

Apabila bertindak atau membuat keputusan bagi pihak orang yang kurang keupayaan, tindakan atau keputusan yang diambil haruslah sesuatu yang kurang membataskan hak dan kebebasan orang itu untuk bertindak.

Pilihan untuk kurang bersikap menyekat ini sering merupakan pilihan yang terbaik demi kepentingan individu tersebut.

Kadang kala, ia termasuk pilihan untuk tidak melakukan apa-apa tindakan atau keputusan. Segala tindakan yang diambil atau keputusan yang dibuat, atau keputusan untuk tidak mengambil apa-apa tindakan, hendaklah dilakukan demi kepentingan individu tersebut.



KISAH AH MEI

Ah Mei tinggal bersama ibunya, Puan Kwong Siew Moi, 80 tahun, yang menghidap Demensia.

Apabila Ah Mei keluar bekerja, beliau mengunci ibunya di dalam bilik untuk mengelak ibunya daripada tercedera atau keluar berjalan-jalan tanpa tujuan. Beliau menyiapkan makan minum untuk ibunya dan diletakkan di dalam bilik. Puan Kwong memakai lampin dewasa.

Setiap petang, apabila Ah Mei pulang ke rumah, beliau akan memandikan dan memberikan ibunya makan. Walaupun Ah Mei bertindak sebagai anak yang patuh dan prihatin akan keselamatan ibunya, namun cara penjagaan sebegini tidak mengikut prinsip pilihan kurang sekatan.

Beliau harus mengaturkan bentuk penjagaan lain yang lebih sesuai, seperti, menempatkan Puan Kwong di pusat demensia jagaan siang.

Jika terdapat lebih daripada satu pilihan, maka kesemua pilihan itu mesti dipertimbangkan dan keputusan P yang diambil haruslah ditentukan berdasarkan kedua-dua prinsip iaitu prinsip demi kepentingan diri dan prinsip pilihan kurang sekatan.



BAHAGIAN G

BAGAIMANA JIKA SESEORANG MENGESYAKI ADANYA PENDERAAN?

G1. SIAPA YANG PERLU DIBERITAHU?

Siapa sahaja yang mengetahui atau mengesyaki atau percaya bahawa seseorang yang kurang keupayaan mental telah tidak dijaga dengan baik, memerlukan penjagaan atau perlindungan, boleh melaporkan perkara tersebut kepada Penjaga Awam dan badan-badan yang sesuai.

Jika terdapat sebab yang kukuh untuk mengesyaki bahawa suatu jenayah telah dilakukan ke atas orang itu, maka laporan tersebut hendaklah dibuat kepada polis.

Jenis-jenis penderaan	Siapa yang perlu dihubungi
Fizikal	• Polis • Pusat Perkhidmatan Keluarga • Perkhidmatan Perlindungan Orang Dewasa • Pejabat Penjaga Awam
Seksual	• Polis • Perkhidmatan Perlindungan Orang Dewasa • Pejabat Penjaga Awam
Kewangan	• Polis • Pejabat Penjaga Awam (di mana ia melibatkan Penerima Kuasa atau Timbalan)
Secara Psikologi	• Polis • Pusat Perkhidmatan Keluarga • Pejabat Penjaga Awam
Pengabaian dan perbuatan tidak mengambil peduli dengan sengaja	• Polis • Pusat Perkhidmatan Keluarga • Pejabat Penjaga Awam

G2. PERLINDUNGAN KE ATAS PEMBERI MAKLUMAT

Mereka yang kurang keupayaan mental adalah golongan yang mudah terdedah kepada risiko. Selalunya mereka langsung tidak tahu yang diri mereka telah didera dan mereka sendiri tidak dapat melaporkan penderaan itu. Mereka perlukan ahli keluarga, jiran tetangga dan masyarakat untuk menjaga mereka.

Akta Keupayaan Mental (Akta) menyediakan perlindungan untuk pemaklum sulit bagi individu yang melaporkan kepada Penjaga Awam sebarang penganiayaan yang disyaki sedang berlaku kepada golongan kurang upaya. Identiti pemberi maklumat tidak boleh didedahkan dalam prosiding mahkamah. Sesiapa pun tidak boleh dipaksa untuk mendedahkan identiti para pemberi maklumat dalam prosiding mahkamah.

Bagi kakitangan jagaan kesihatan yang membuat laporan pada Penjaga Awam kerana bertindak atas niat yang murni, Akta tersebut memberikan perlindungan dan mereka tidak akan dibebankan dengan sebarang liabiliti sivil kerana membuat laporan tersebut.

BAHAGIAN H

APA YANG BERLAKU SEKIRANYA BERLAKU PERTIKAIAN?

H1. APA YANG HARUS SAYA LAKUKAN JIKA BERLAKU PERTIKAIAN?

Sekiranya berlaku pertikaian, anda harus menggunakan kaedah-kaedah berikut:

Komunikasi berkesan

Kadangkala, pertikaian timbul kerana gangguan dalam komunikasi atau salah faham. Mungkin berguna untuk mengadakan pertemuan atau persidangan di mana individu-individu yang berbeza dapat berkumpul untuk membincangkan pandangan mereka dan bagaimana ini mungkin mempengaruhi kepentingan terbaik orang yang kekurangan keupayaan mental. Setiap orang harus berusaha untuk mendengar satu sama lain dan menjawab pertanyaan serta kebimbangan.

Pengantaraan

Kaedah ini baik untuk menyelesaikan pertikaian yang sedang berkembang atau di peringkat awal. Ia menjimatkan kos, cepat, dan kurang memberi tekanan berbanding membawa kes ke Mahkamah. Pihak ketiga yang bebas (pengantara) akan menentukan sama ada pertikaian sesuai untuk dimediasi. Pengantara membantu pihak-pihak melihat pandangan satu sama lain melalui perbincangan dan menumpukan kepada kepentingan terbaik individu yang kekurangan keupayaan mental daripada memaksakan pandangan mereka sendiri.

Untuk maklumat lanjut tentang mediasi, sila hubungi:

Pusat Pengantaraan Singapura (Singapore Mediation Centre)

1 Supreme Court Lane

Level 4

Singapura 178879

Website: www.mediation.com.sg

Tel: 6332 4366

Community Mediation Centre 45 Maxwell Road
#07-11, The URA Centre (East Wing) Singapore 069118
Website: cmc.mlaw.gov.sg Tel: 1800 225 5529

Mengunjungi Pusat Perkhidmatan Keluarga (Family Service Centre atau FSC)

Anda juga mungkin ingin mempertimbangkan untuk mengunjungi FSC di kawasan kejiranan anda untuk mendapatkan nasihat dan bantuan mengenai isu-isu berkaitan keluarga. FSC mempunyai kaunselor dan pekerja sosial terlatih untuk membantu individu dan keluarga menangani masalah hubungan mereka. FSC juga merupakan pintu masuk ke rangkaian komuniti dan sumber pemerintah untuk membantu dan menyokong individu serta keluarga. Untuk mencari FSC yang berhampiran rumah anda, semak Penjejak FSC E-Locator, atau hubungi Talian Hotline ComCare di 1800 222 0000.

Pertikaian dengan golongan profesional

Kaedah-kaedah untuk menyelesaikan pertikaian dengan kakitangan kesihatan, pekerja sosial, dan profesional lain termasuk:

a. Mendapatkan pendapat kedua (untuk hal-hal perubatan dan undang-undang)

- Ada kalanya, ahli keluarga mungkin tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh Timbalan bagi pihak seseorang yang kekurangan keupayaan mental berdasarkan nasihat perubatan daripada doktor individu tersebut. Mendapatkan pendapat kedua daripada doktor lain mungkin dapat membantu menyelesaikan pertikaian tersebut.
- The Perkara yang sama berlaku dalam hal undang-undang. Sebagai contoh, seorang Timbalan untuk urusan harta & kewangan ingin bertindak mengikut nasihat undang-undang daripada seorang peguam. Timbalan lain tidak bersetuju dengan nasihat tersebut. Ketidaksetujuan ini mungkin dapat diselesaikan dengan mendapatkan pendapat kedua daripada peguam lain.

a. Persidangan kes

- Persidangan ini membolehkan semua pihak dalam pertikaian bertemu dan berbincang mengenai perkara tersebut. Kakitangan kesihatan dan profesional lain harus menjelaskan dengan jelas pilihan yang ada, memberikan pendapat mereka, serta alasan untuk menyokong perkara tersebut.
- Berjumpa dengan anggota kakitangan kanan perubatan. Anggota kakitangan kanan perubatan boleh diundang untuk mendapatkan pendapat kedua daripada mereka.
- Memberikan ahli keluarga masa untuk mempertimbangkan situasi dengan lebih teliti. Pilihan ini hanya tersedia sekiranya ia bukan suatu kecemasan.
- Membuat aduan secara rasmi. Ketika membuat aduan tentang pekerja penjagaan kesihatan, anda harus menghubungi:
 - majikan pekerja pekerja kesihatan itu; dan
 - lembaga profesional, majlis atau persatuan yang mewakili profesion tersebut.

BAHAGIAN I

DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT?

Berikut ialah senarai organisasi yang boleh menyediakan maklumat atau bantuan mengenai isu-isu berkaitan dengan orang yang kekurangan keupayaan mental.

Organisasi	Telefon	Alamat	Laman Web
Dementia Singapore	6377 0700	20 Bendemeer Road, #01-02, BS Bedemeer Centre, Singapore 339914	dementia.org.sg
Institute of Mental Health	6389 2000	Buangkok Green Medical Park, 10 Buangkok View, Singapore 539747	www.imh.com.sg
Agency of Integrated Care (AIC)	1800 650 6060	No.5 Maxwell Road, #10-00 Tower Block, MND Complex, Singapore 069110	www.aic.sg
Family Justice Court	6435 5398 6236 9050	5 Maxwell Road #4-00 Tower Block, MND Complex, Singapore 069110	www.judiciary.gov.sg/family/deputyship
Community Justice Centre	6557 4100	1 Havelock Square #B1-6/7/8 State Courts Towers Singapore 059724	www.cjc.org.sg
The Legal Aid Bureau	1800 225 5529	45 Maxwell Road #07-11, URA Centre East Wing Singapore 069118	lab.mlaw.gov.sg
The Law Society of Singapore	6533 5700	28 Maxwell Road, #01-03, Maxwell Chambers Suites, Singapore 069120	www.lawsociety.org.sg
Central Provident Fund Board	1800 227 1188	-	www.cpf.gov.sg

GLOSARI

Tindakan yang berkaitan dengan jagaan atau rawatan

Merupakan tugas-tugas yang dijalankan oleh pemberi jagaan (dibayar atau tidak dibayar), kakitangan jagaan kesihatan dan ahli keluarga yang melibatkan jagaan peribadi, jagaan kesihatan atau rawatan perubatan bagi orang yang kurang keupayaan untuk memberi izin ke atas tindakan-tindakan tersebut.

Kepentingan Terbaik

Para pembuat keputusan berkewajipan untuk menimbangkan banyak faktor yang memberi tumpuan kepada apa yang terbaik untuk orang kurang keupayaan sebelum membuat sesuatu keputusan bagi pihaknya. Untuk maklumat lanjut, rujuk Bab 6 di dalam Kod Amalan.

Kod Amalan

Kod Amalan menyokong Akta Keupayaan Mental (Akta) dan memberikan penjelasan lanjut tentang cara Akta ini harus diamalkan.

Jawatankuasa bagi individu atau harta

Di bawah Akta Rawatan dan Gangguan Mental (kini dimansuhkan), mahkamah melantik jawatankuasa-jawatankuasa ini untuk membuat keputusan-keputusan tertentu bagi pihak orang yang menghidap gangguan mental. Apabila Akta Keupayaan Mental berkuatkuasa pada 1 Mac 2010, mereka yang kini berkhidmat dalam jawatankuasa yang sedia ada secara automatik menjadi para Timbalan, seolah-olah mereka telah dilantik oleh mahkamah di bawah Akta Keupayaan Mental dengan disertai kuasa dan fungsi yang sama yang mereka pernah peroleh di bawah jawatankuasa-jawatankuasa tersebut.

Pembuat keputusan

Pembuat keputusan ialah individu atau orang yang membuat keputusan bagi pihak mereka yang kurang keupayaan. Mereka termasuklah para pemberi jagaan, jururawat, doktor, penerima kuasa Surat Kuasa Berkekalan (LPA) dan para timbalan yang dilantik oleh mahkamah.

Timbalan

Seseorang timbalan dilantik oleh Mahkamah untuk membuat keputusan-keputusan tertentu bagi pihak orang yang kurang keupayaan mental jika beliau belum membuat Surat Kuasa Berkekalan (LPA) atau tiada penerima kuasa untuk membuat keputusan-keputusan tersebut bagi pihaknya. Seseorang individu atau sebuah syarikat amanah berlesen untuk hartanah dan hal ehwal di bawah Akta Syarikat Amanah atau *Trust Companies Act* (Bab 336) seperti yang ditetapkan oleh Peraturan Keupayaan Mental boleh dilantik sebagai Timbalan.

Secara bersama

The Para Timbalan hendaklah bertindak secara bersama dan bukannya secara bersendirian.

Secara bersama dan berasingan

Para Timbalan boleh bertindak secara bersama atau secara bersendirian.

Surat Kuasa Berkekalan (LPA)

Dokumen undang-undang yang membolehkan seorang Pemberi Kuasa (Donor) secara sukarela melantik satu atau lebih Penerima Kuasa (Donee) untuk membuat keputusan dan bertindak bagi pihaknya sekiranya dia kekurangan keupayaan mental untuk membuat keputusan sendiri.

Keupayaan Mental

Keupayaan mental ialah kemampuan seseorang untuk membuat sesuatu keputusan tertentu pada waktu yang tertentu.

Akta Keupayaan Mental

Ia memberi jaminan perlindungan ke atas mereka yang kurang keupayaan. Akta ini memberi Penjaga Awam kuasa untuk memantau dan memeriksakan menjadikan perbuatan menganiaya terhadap mereka yang kurang keupayaan oleh pemberi jagaan dan pembuat keputusan mereka sebagai satu kesalahan. Akta ini juga menghalang keputusan-keputusan tertentu daripada dibuat bagi pihak orang yang kurang keupayaan mental.

Pejabat Penjaga Awam (OPG)

Pejabat Penjaga Awam mempunyai tanggungjawab yang luas dalam rangka kerja Akta Keupayaan Mental. Ini termasuk menyimpan daftar Surat Kuasa Berkekalan (LPA), menyelia para timbalan dan menyiasat dakwaan-dakwaan tentang penganiayaan.

Skim Timbalan Profesional dan Pemberi Kuasa (PDD)

Skim PDD membantu individu dengan aset sederhana hingga signifikan, yang mungkin tidak mempunyai ahli keluarga atau rakan rapat yang boleh diharapkan sebagai pembuat keputusan bagi pihak mereka. Ini dengan melantik seorang Timbalan Profesional sebagai Penerima melalui LPA, atau sebagai Timbalan melalui Perintah Mahkamah.

Prinsip-prinsip Berkanun

Terdapat lima prinsip berkanun di bawah Akta Keupayaan Mental yang setiap orang perlupatuhi apabila berurusan dengan mereka yang kurang atau mungkin kurang keupayaan mental.

Keputusan kurang bijak

Ini merujuk kepada salah satu daripada prinsip-prinsip berkanun. Seseorang yang punya keupayaan mental berhak untuk membuat keputusan kurang bijak pada pandangan orang lain. Tidak bermakna seseorang itu telah hilang keupayaan mentalnya hanya kerana keputusan yang dibuat kurang bijak.

PEJABAT PENJAGA AWAM

Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga
3 Bishan Place
#03-00, CPF Bishan Building
Singapore 579838

Talian hotline: 1800 111 2222

Borang pertanyaan: <https://go.gov.sg/opg-enquiry>

Laman web: www.msf.gov.sg/opg

Dicetak pada September 2023